

lebih kurang satu tahun iaitu pada 21 hingga 23 Ogos 1984, Pertandingan Silat Olahraga Peringkat Kebangsaan Kali Pertama telah diadakan.

Apakah pihak pengajur mengira bahawa dalam jarak satu tahun, pencinta-pencinta seni silat telah benar-benar dapat memahami serta menghayati silat olahraga? Apakah pihak berkenaan telah sempat meninjau sama ada silat olahraga direstui oleh kebanyakan pendekar silat di tanah air untuk diketengahkan ataupun tidak?

Penulis sengaja membangkitkan isu ini kerana sejak kejuaraan kebangsaan pertama lagi, bermacam-macam rungutan dan kritikan telah diajukan bersabit dengan penyelenggaraan dan teknik pertandingan silat olahraga. Tetapi segala rungutan dan kritikan itu tidak menjadi 'kudis' kepada pihak yang bertanggungjawab, bahkan laporan yang sangat memuaskan juga dikemukakan kepada pihak atasan.

Pada kejuaraan kebangsaan kedua Pertubuhan Kebangsaan Silat Cekak Malaysia telah menarik diri daripada aktiviti silat olahraga. Dan ketika kejuaraan itu dilangsungkan, dikatakan pihak polis dan keselamatan terpaksa diundang untuk memadamkan api peraduan di antara peserta yang berada di luar gelanggang pertandingan. Fakta-fakta ini mengandaikan bahawa pertandingan silat olahraga telah 'berjaya' menghasilkan kesan yang semakin negatif dari tahun ke tahun.

Memandangkan kepada perkembangan yang menakutkan ini maka saya terpaksa memberanikan diri untuk turut memberikan sedikit pandangan (walaupun saya sedar saya mungkin tidak akan digemari oleh pihak tertentu), semoga Kejuaraan Silat Olahraga Kebangsaan Ketiga yang dijangka akan diadakan di Negeri Terengganu pada tahun ini tidak akan mengulangi kesalahan yang sama ataupun menghasilkan kesan yang lebih buruk lagi.

Harapnya kejuaraan kebangsaan ketiga yang bakal dilangsungkan tidak lama lagi akan menjadi wadah untuk mengeratkan lagi ikatan silaturahim; bukannya untuk menyemarakkan lagi perasaan permusuhan di kalangan pencinta-pencinta seni silat di tanahair.

## Yang berminat

Walau apa pun, kesemua pihak yang berminat dengan seni silat harus mengetahui kenapa PESAKA nampaknya terlalu ghairah dengan aktiviti silat olahraga dalam perancangannya. Mengikut sumber yang boleh dipercuryai, pihak PESAKA berpendapat, hanya pertandingan silat olahraga sajalah yang berupaya menemu dan menyatukan pelbagai seni silat yang sudah bertapak di seluruh Malaysia sekarang di dalam satu arena dan di bawah satu bumbung yang sama.

Alasan yang dikemukakan ialah silat olahraga mempunyai satu peraturan yang lengkap dan boleh diterima oleh kesemua perguruan silat sama ada di Malaysia maupun di luar Malaysia. Kerana anggapan inilah, pihak PESAKA dan KKBS telah menitikberatkan bidang silat olahraga dalam perancangan mereka.

Niat murni mereka untuk menyatukan seluruh ahli-ahli silat melalui silat olahraga harus dipuji dan disokong oleh kesemua pencinta silat. Tetapi cita-cita murni PESAKA dan KKBS ini tidak tercapai; sebaliknya beberapa kesan negatif yang bertunas.

Oleh itu, pihak PESAKA dan KKBS haruslah lebih peka kepada kritikan yang disampaikan secara jujur. Dengan berbuat demikian, segala kelemahan yang wujud dalam biro silat olahraga dapat diperbaiki kepada tahap yang lebih baik dari setahun ke setahun. **27 APR 1986**

Dalam usaha menuju ke arah kesempurnaan pertandingan silat olahraga pihak-pihak lain juga sepatutnya turut bertanggungjawab dan terbabit secara konstruktif.

Pertama sekali, pendekar-pendekar utama seperti Mahaguru Datuk Meor Abdul Rahman, Mahaguru Omar Din, Mahaguru Ustaz Hanafi dan lain-lain harus berganding bahu dengan PESAKA dalam membangunkan silat olahraga. Tanpa sokongan ikhlas daripada mereka, dipercayai silat olahraga akan terus menjadi batu penghalang kepada perpaduan ahli-ahli seni silat Melayu di Malaysia.

Mereka harus memahami secara mendalam apa itu silat olahraga. Dengan itu, haruslah mereka dapat menganalisa dan mengkritik lebih jitu tentang keistimewaan dan kelemahan silat olahraga. Sekiranya ada kelemahan, mereka harus memberi pandangan dan pendapat mereka secara membina.

### B. Minasu (M)

Saya benar-benar yakin dengan kesungguhan pendekar-pendekar kita membabitkan diri mereka dalam silat olahraga, segala selisih faham mengenainya dapat dielakkan ke paras minima.

## Kelemahan

Sebagai sesuatu yang baru, sudah tentu silat olahraga tidak terlepas daripada beberapa kelemahannya, terutama sekali di segi peraturan pertandingannya. Setelah berpeluang mengikuti kursus silat olahraga sebanyak 2 kali di Sabah dan Sarawak, saya lebih cenderung untuk mengatakan beberapa peraturan dalam pertandingan silat olahraga perlu dikaji semula oleh pendekar-pendekar silat di tanahair.

Kita tidak harus menerima bulat-bulat segal peraturan itu sebagaimana ditunjuk-ajarkan oleh pakar-pakar dari Indonesia. Di Indonesia sendiri, mengikut pengetahuan saya, silat olahraga tidak diterima sepenuhnya oleh pendekar-pendekar 'orthodox' Indonesia kerana ia dianggap mencanggah dengan 'semangat' Seni Silat Melayu.

Sebab itu mereka mengadakan satu lagi pertandingan yang dinamakan Perlumbaan Pencak Silat Tradisional.

Sesungguhnya pertandingan silat olahraga itu perlu diketengahkan. Cuma peraturan-peraturan dan syarat-syaratnya sahaja perlu diubahsuai supaya pertandingan silat olahraga itu tidak menyeleweng jauh daripada falsafah dan identiti Seni Silat Melayu. Kita tidak mahu mendengar kritikan-kritikan daripada bukan Melayu yang menuduh bahawa silat olahraga boleh dianggap sebagai 'secondhand' karate ataupun tae-kwon-do ataupun tomoi.

Tuduhan-tuduhan seperti ini mungkin ada logiknya.

Berpandukan kepada penyelidikan penulis ketika menyertai Kejohanan Silat Olahraga Kebangsaan I, 1984 dulu, ada beberapa orang jurulatih yang mengakui bahawa mereka banyak menggunakan teknik-teknik serangan dan belaan tae-kwan-do atau karate, ketika melatih anak-anak murid mereka.

Dan ada juga yang memberi pengakuan bahawa anak-anak murid mereka